

PM arah JPA teruskan tajaan perubatan, pergigian, farmasi

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGE TOWN: Kerajaan Pusat akan meneruskan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan itu berdasarkan situasi semasa yang mana masih terdapat keperluan bagi sektor-sektor terbabit dalam negara.

“Sejak minggu lalu saya ada perjumpaan khas dengan JPA dan mereka kata itu (menghentikan tajaan) adalah dasar sedia ada, dasar yang lalu.

“Jadi saya minta dikaji semula berdasarkan unjuran kita yang mana keperluan sektor perubatan, pergigian dan farmasi itu masih ada.

“Maknanya program biasiswa JPA untuk sektor-sektor ini akan diteruskan,” katanya dalam program Temu Anwar@USM di Dewan Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM), di sini semalam yang dihadiri kira-kira 5,000 peserta majoritinya penuntut USM.

Anwar menjawab soalan salah seorang peserta program itu yang juga mahasiswa USM berhubung keputusan kerajaan menghentikan penajaan JPA dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi berikutan kajian Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati bekalan pegawai perubatan akan mengalami banjir mulai tahun 2026 hingga 2030.

Bersambung di muka 2



ANWAR Ibrahim pada program Temu Anwar di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

PM arah JPA teruskan tajaan perubatan, pergigian, farmasi

Dari muka 1

Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd. Ali seperti dilaporkan media semalam berkata, Laporan Petunjuk Kesihatan 2022 melaporkan pencapaian nisbah jumlah keperluan tenaga kerja perubatan seluruh negara kepada jumlah populasi penduduk sehingga Disember 2021 adalah 1:420 dan dijangkakan nisbah 1:400 akan dapat dicapai pada 2025.

Katanya, Laporan Petun-

juk Kesihatan 2022 melaporkan pencapaian nisbah jumlah keperluan tenaga kerja perubatan seluruh negara kepada jumlah populasi penduduk sehingga Disember 2021 adalah 1:420 dan dijangkakan nisbah 1:400 akan dapat dicapai pada 2025.

Tambah Armizan, bekalan pegawai perubatan pada tahun 2021 dicatatkan berjumlah 72,812 berbanding permintaan iaitu berjumlah 70,721 dan ekalan pegawai pergigian dan pegawai farmasi akan memenuhi keperluan permintaan masing-masing pada tahun 2025 dan 2029.

"Jadi saya minta dikaji semula berdasarkan unjuran kita yang mana keperluan sektor perubatan, pergigian dan farmasi itu masih ada. Maknanya program biasiswa JPA untuk sektor-sektor ini akan diteruskan."

ANWAR IBRAHIM